

**Firma As Gagal Temui Anggota Keluarga MH370**  
**Bername**  
**12 Apr, 2014**

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Harapan sebuah firma dari Amerika Syarikat, yang mendakwa mempunyai kepakaran dalam kemalangan udara, untuk bertemu dengan anggota keluarga mereka yang menaiki pesawat Malaysia Airlines (MAS) Penerbangan MH370 dibatalkan hari ini kerana kurang sambutan.

Pertemuan itu, yang sepatutnya berlangsung di sebuah hotel di sini pada 3.30 petang tadi, dikatakan telah diiklankan dalam sebuah akhbar harian berbahasa Melayu.

Ia turut menjemput pihak media membuat liputan.

Iklan itu antara lain menyebut firma berkenaan mahu memberi perkhidmatan kepakarannya kepada anggota keluarga penumpang dan anak kapal pesawat berkenaan, yang hilang sejak 8 Mac lepas.

Antara tujuan pertemuan itu ialah untuk memberikan maklumat secara percuma kepada keluarga terbabit serta menyediakan khidmat guaman.

Usaha Bernama mendapatkan penjelasan lanjut mengenai acara itu daripada pihak penganjurnya dengan menelefon nombor telefon tertera pada iklan berkenaan juga tidak berhasil.

Seorang lelaki yang menjawab panggilan itu berkata beliau tidak tahu menahu mengenai perjumpaan itu.

Pesawat Boeing 777-22ER itu, yang membawa 239 penumpang dan anak kapal, hilang daripada radar kira-kira sejam setelah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL pada 12.41 tengah malam 8 Mac.

Pesawat itu sepatutnya mendarat di Beijing pada 6.30 pagi hari sama.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1030193>